# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

## Ura-ura tutup Kementerian Ekonomi digantikan EPU



BH Isnin, 16 Jun 2025 — Nasional — 7

# Ura-ura tutup Kementerian Ekonomi digantikan EPU

### Ada cadangan Tengku Zafrul ambil peranan penasihat khas bertaraf menteri

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dikatakan ada ura-ura untuk 'menutup' Kementerian Ekonomi selepas Datuk Seri Rafizi Ramli nekad melepaskan jawatan anggota Kabinet.

*BH* difahamkan, terdapat perbincangan memansuhkan kementerian itu dengan mewujudkan semula Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai satu agensi Pusat.

Menurut sumber, kerajaan seakan tidak 'ambil pusing' dengan peletakan jawatan Rafizi susulan tewas pemilihan pusat PKR tempoh hari.

Jadi, sebagai 'opsyen' untuk menggantikan fungsi dan peranan Ahli Parlimen Pandan itu dalam hal ehwal ekonomi, sumber memberitahu antara cadangannya adalah melantik Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Terdapat juga cadangan peranan Tengku Zafrul sebagai penasihat khas bertaraf menteri mengambil kira pengalaman luas beliau dalam sektor kewangan.

Tambahan pula, tempoh khidmat Tengku Zafrul sebagai senator bakal tamat hujung tahun ini, sekali gus berlaku kekosongan jawatan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Susulan tindakan Tengku Zafrul meletak kesemua jawatannya dalam UMNO dan menyatakan hasrat menyertai PKR, timbul gesaan agar beliau melepaskan jawatan sebagai anggota Kabinet bagi melepaskan kuota menteri diperuntukan untuk UMNO.

"Memang ada perbincangan untuk serap Kementerian Ekonomi untuk jadi EPU. Dulu EPU di bawah JPM. Fungsi kementerian ini juga terhad kerana ekosistem ekonomi negara banyak dikemudi oleh Kementerian Kewangan (MOF)," katanya kepada *BH*.

Menurut pakar kewangan dan perbankan pula menyifatkan jika kerajaan bercadang untuk memansuhkan Kementerian Ekonomi dan menukarnya menjadi sebuah agensi Pusat di bawah JPM, ia tidak mengundang implikasi besar terhadap perancangan ekonomi negara.

**Lantik penasihat ekonomi**

Menjelaskan langkah itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan (SEFB) Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata sebelum 2018, memang aspek perancangan ekonomi diletakkan di bawah EPU.

Untuk itu, beliau berpandangan mungkin kerajaan boleh mempertimbang untuk melantik penasihat ekonomi ataupun sebuah badan penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri.

Namun, katanya mesti ada sebab kenapa Kementerian Ekonomi diperkenalkan kembali di bawah Kerajaan Perpaduan.

Ini termasuk keputusan mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 2018, sewaktu Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi dilantik sebagai Perdana Menteri ketika itu.

Beliau melihat kewujudan Kementerian Ekonomi dapat 'memecahkan' peruntukan kuasa kepada Kementerian Kewangan, sekali gus merasakan ia bercanggah dengan hasrat untuk menjayakan agenda reformasi ekonomi.

"Cuma kalau ada Kementerian Ekonomi, maksudnya ada desentralisasi kuasa. Kalau tidak, Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi dipusatkan kepada Perdana Menteri. Ini tidak sihat untuk agenda reformasi ekonomi di masa hadapan.

"Apa pun, saya melihat Kementerian Ekonomi mempunyai peranan penting menjangkaui hanya merancang dasar ataupun strategi.

"Contohnya, dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara pada abad ke-21 ini, banyak cabaran ekonomi perlu dilihat seperti isu produktiviti ekonomi, kecekapan pasaran, inovasi ekonomi dan kedaulatan fiskal untuk melakukakan reformasi struktur dalam ekonomi," katanya.

Sementara itu, beberapa nama orang politik dan teknokrat muncul bagi menggantikan Rafizi.

Antara nama besar dalam arena politik yang dicadangkan oleh rata-rata pemerhati politik untuk mengisi jawatan penting itu adalah Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang juga bekas Menteri Kewangan II; ahli akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali; Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan dan bekas Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), Dr Mohammad Tawfik Yaakub, berkata Kabinet boleh dirombak dengan menukar portfolio diterajui Johari sekarang ke Kementerian Ekonomi.

Beliau turut mencadangkan Noor Azlan yang memiliki kepakaran dalam bidang ekonomi diberi peluang mengemudi kementerian itu.

"Tiada siapa meragui kepakaran, pandangan, idea ekonomi kerana Noor Azlan amat dikenali dan dihormati dari segi kesarjanaan ilmu dan pragmatik terhadap keperluan semasa, corak ekonomi negara serta masyarakat.

"Kalau orang politik mahu dilantik pula, saya cenderung melihat Johari bertukar portfolio menjadi Menteri Ekonomi kerana beliau memiliki latar belakang luas dalam bidang ekonomi dan perbankan," katanya.

"Saya melihat Kementerian Ekonomi mempunyai peranan penting menjangkaui hanya merancang dasar ataupun strategi"

*Irwan Shah Zainal Abidin, Pensyarah Kanan SEFB, UM*

"Kalau orang politik mahu dilantik pula, saya cenderung melihat Johari bertukar portfolio menjadi Menteri Ekonomi"

*Mohammad Tawfik Yaakub, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan UM*